

PRISEPTINE SOLUTION

Povidone iodine (10% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Priseptine
2. Bagaimana Priseptine berfungsi
3. Sebelum menggunakan Priseptine
4. Cara menggunakan Priseptine
5. Semasa menggunakan Priseptine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Priseptine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Priseptine

Ia digunakan pada kulit sebelum pembedahan, merawat luka yang kotor, jangkitan kulat pada kulit.

Bagaimana Priseptine berfungsi

Povidone iodine bertukar menjadi iodin apabila disapu pada kulit dan membran mukus. Iodin mempunyai sangat berkesan dalam membunuh bakteria

Sebelum menggunakan Priseptine

- Bila tidak boleh menggunakan

- alahan kepada bahan aktif atau tidak aktif dalam produk.
- jangan diguna jika dalam rawatan litium atau penyakit kelenjar tiroid.

- Sebelum mula menggunakan

Jangan membalut luka jika produk ini disapu pada kulit. Iodin mungkin memberi tindakan yang luar biasa. Hentikan penggunaan jika iritasi berlaku. Ia perlu digunakan dengan berhati-hati pada kanak-kanak di bawah 2 tahun, kehamilan, menyusukan anak dan kulit yang luka.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan Priseptine

- Berapa banyak harus digunakan

Basuh bahagian berkenaan dan sapu ubat ini pada kulit. Sebagai pembersih vagina, produk ini boleh dicairkan 3 – 4 kali dengan air.

- Bila perlu digunakan

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Guna sebaik sahaja teringat. Selepas itu, gunakan semula mengikut jadual biasa anda.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan Priseptine

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor anda ubat yang sedang diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengguna ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak, beritahu doktor atau ahli farmasi.

Kesan-kesan sampingan

Pada amnya, produk ini tidak mendatangkan kesan sampingan. Walau bagaimanapun, jika anda berasa tidak selesa, beritahu doktor atau ahli farmasi. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Priseptine

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Larutan berwarna kuning tua.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: povidone iodine
- Bahan tidak aktif: air

- Nombor MAL:

MAL19911900XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

30/11/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)291117/00328